

Beberapa peneraju GLC dinasihati 'bersara'

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD

PULAU PINANG 20 Mei - Beberapa peneraju syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) telah dikenal pasti dan dinasihati supaya 'bersara' daripada jawatan yang dipegang bagi memberi laluan kepada muka baru untuk menerajui jawatan tertinggi itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, kebanyakan mereka itu dikenal pasti gagal membawa visi kerajaan.

Tanpa mendedahkan siapa yang telah dinasihati supaya bersara itu, beliau berkata, keputusan se-

UM - 21/5/2006

Kebanyakan mereka itu dikenal pasti gagal membawa visi kerajaan

- Hilmi Yahaya

suatu jawatan yang akan dipegang oleh calon baru akan diumumkan kerajaan tidak lama lagi.

"Saya tak boleh hurai panjang perkara ini tapi yang pasti ada beberapa peneraju GLC telah dimaklumkan dan dinasihati supaya 'bersara' daripada jawatan yang dipegang ketika ini bagi diberi kepada muka baru," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Mesyuarat Agung

Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Pulau Pinang yang dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop di sini hari ini.

Ketika ini terdapat 15 syarikat terbesar GLC dan daripada jumlah itu hanya empat yang mengalami kerugian pada tahun lalu iaitu BIMB Holdings, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), UEM World dan Proton Holdings Ber-

had (Proton).

Menurut Hilmi, kerajaan bersejajut kesemua peneraju 15 GLC boleh disingkirkan jika gagal mencapai sasaran Indeks Prestasi Utama (KPI).

Katanya, ia bukanlah satu hukuman tetapi bagi memberi peluang kepada orang lain yang mungkin berkelayakan untuk membawa GLC ke satu tahap yang lebih baik.

"Kita telah memberi peluang kepada mereka untuk membuktikan kebolehan masing-masing berdasarkan rangka kerja reformasi GLC menetapkan pelantikan peneraju firma-firma itu berasaskan kontrak prestasi tiga tahun.

"Bagi peneraju yang berjaya

mencapai KPI, mereka mungkin akan disambung kontrak perkhidmatan seperti menerima bonus tetapi kepada yang gagal, bersiap sedialah untuk ditamatkan perkhidmatan," katanya.

Pelaksanaan tindakan seperti itu adalah penting kerana GLC merupakan tulang belakang ekonomi negara seperti mana yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Sebagai permulaan kepada proses reformasi, KPI akan menjadi asas kepada usaha kerajaan untuk memperbaiki kelemahan yang ada dalam GLC selepas membersihkan firma terbabit dari krisis ekonomi sebelum ini.